

'Tak meriah lagi'

13/10/07. Hm. m/s 2

Keluarga tetap sambut Aidilfitri walaupun tidak ceria

>>Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

asnawi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Dia (Nurin Jazlin) anak yang paling bisung dan paling meriah setiap kali menyambut hari raya, namun kemeriahan itu kini tiada lagi," kata Jazimin Abdul Jalil, 33, bapa mangsa pembunuhan kejam, Nurin Jazlin, 8.

Jazimin berkata, sambutan hari raya kali ini tidak se-meriah seperti tahun sebelum ini kerana peristiwa malang yang menimpa anak keduanya itu.

"Hari raya tetap disambut kerana saya masih mempunyai tiga anak. Mereka juga ada bertanya di mana Nurin. Tahun ini saya menyambut Aidilfitri di rumah keluarga isteri di Selama, Perak.

"Rasa kekurangan memang ada pada sambutan hari raya kali ini kerana ketiadaan Nurin," katanya ketika ditemui selepas menziarahi kubur anaknya di Taman Perkuburan Islam Taman Ibu Kota, Setapak di sini, semalam.

Jazimin yang ditemani isteri, Norazian Bistaman, 35, dan tiga anak mereka iaitu Nurin Jazshira, 9, Nurin Jazsrina, 6, dan Nurin Jazslisa, satu tahun setengah, tiba di pusara Nurin Jazlin kira-kira jam 5 petang.

Mereka meninggalkan tanah perkuburan itu 20 minit kemudian.

Menceritakan lebih lanjut



ZIARAH...Jazimin menyiram air mawar di pusara Nurin di Tanah Perkuburan Islam Taman Ibu Kota, semalam.

mengenai keadaan keluarganya sekarang, Jazimin berkata, anak sulungnya, Nurin Jazshira turut bermimpi mengenai kisah sedih yang menimpa adiknya beberapa hari lalu.

Mengulas mengenai imej kamera litar tertutup (CCTV) yang merakamkan gambar seorang lelaki membawa beg dan tiga lelaki menaiki Perodua Kenari di lokasi mayat anaknya dijumpai, Jazimin berkata, dia sudah melihat rakaman berkenaan.

"Saya dimaklumkan polis membuat beberapa tangkapan dalam usaha menjejaki suspek yang membunuh anak saya.

"Polis sedang mengesan le-

laki bermotosikal yang dilihat membawa beg yang dirakam CCTV itu," katanya.

Lelaki misteri terbabit yang menaiki motosikal Modenas Kriss bersendirian dilihat muncul di kawasan mayat Nurin ditemui dengan membawa beg itu yang diletakkan di raga hadapan motosikalnya, kira-kira jam 1 tengah hari, 16 September lalu, sehari sebelum mayat mangsa ditemui.

Visual CCTV terbabit yang dipertontonkan kepada wartawan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, kelmarin memaparkan dengan jelas perbuatan suspek mengangkat beg berisi mayat Nurin sebelum meninggalkannya di kawasan terbabit.

>Tiga lelaki hubungi polis

KUALA LUMPUR: Siasatan kes pembunuhan Nurin Jazlin Jazimin, 8, memperlihatkan petanda positif semalam apabila tiga lelaki yang kelihatan dalam rakaman kamera litar tertutup (CCTV) diedarkan pihak polis kelmarin, menghubungi polis.

Mereka muncul di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya pada tengah malam kelmarin, bagi memperjelaskan kehadiran mereka di luar kedai tiga tingkat di No 31, Jalan PJS 1/48, Petaling Jaya, lokasi mayat Nurin Jazlin, ditemui dalam beg sukan, 17 September lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee, mengesahkan ketiga-tiga lelaki berkenaan adalah mereka yang muncul dalam segmen kedua rakaman CCTV itu yang disiarkan kepada awam oleh polis.

Katanya, lelaki berkenaan, dalam lingkungan usia 30-an, dilihat keluar dari Perodua Kenari berwarna perak pada 16 September lalu di lokasi mayat Nurin Jazlin ditemui.

"Pegawai saya sudah mengambil kenyataan mereka. Bagaimanapun, seorang wanita berbaju merah dan jeans berwarna gelap belum menghubungi kami," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Wan berkata, ketiga-tiga lelaki itu memberi kerjasama penuh kepada polis berhubung rakaman CCTV itu sambil menjelaskan mereka tidak akan menahan lelaki berkenaan bagi membantu siasatan. — Bernama

Edar gambar autopsi menyalahi undang-undang

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia semalam mengingatkan orang ramai perbuatan mengedarkan gambar bedah siasat mangsa bunuh dan penderaan seksual Nurin Jazlin Jazimin, 8,

menyalahi undang-undang.

Dalam satu kenyataan di sini, suruhanjaya itu menyatakan penderaan gambar itu di Internet dan aplikasi mudah alih lain adalah kesalahan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia

1998 dan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun, atau kedua-duanya.

Pesalah juga boleh didenda RM1,000 setiap hari jika kesalahan itu terus berlaku selepas disabitkan. — Bernama